

# Pengusaha IKS jangan terlalu bergantung kepada kerajaan

Oleh AZNAN BAKAR

UM - 6 JUN 2003

KUALA LUMPUR 6 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) agar tidak terlalu bergantung kepada kerajaan semata-mata dalam memajukan perniagaan mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, di sebalik bantuan kerajaan, IKS terbabit juga perlu berusaha sendiri terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi.

“Selain bantuan kerajaan mereka (IKS) kena berusaha mempertingkatkan setiap bahagian dalam pemiagaan mereka,” katanya ketika berucap merasmikan pameran SMI One Stop Solution 2003 di sini hari ini.

Katanya, dalam menghadapi cabaran dan tekanan globalisasi, liberalisasi dan inovasi teknologi, keupayaan dan kecemerlangan perlu menjadi asas dalam IKS Malaysia.

“Masa untuk mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang tidak konsisten, yang kadang-kadang baik dan kadang-kadang tidak baik di kalangan IKS perlu ditinggalkan.

## Melabur

“Piawaian (yang tinggi) yang diketepikan pada bila-bila masa, jika sumber membenarkan perlu melabur dalam penyelidikan dan pembangunan di samping menggunakan teknologi terkini,” jelas beliau.

Pada masa yang sama katanya, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan IKS kerana ia merupakan penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, ketika sektor lain seperti pelancongan teruk terjejas akibat perang Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), IKS tetap bertahan.

Oleh itu katanya, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu pembangunan IKS di negara ini.

Ia termasuk memperkukuhkan kredit mikro kepada sektor itu dalam Pakej Strategi Baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21 Mei lalu.

Dengan itu katanya, IKS perlu menggunakan sepenuhnya peluang itu untuk mempertingkatkan pemiagaan mereka.

Melalui pelbagai kemudahan yang disediakan itu kata Abdullah, mereka juga tidak perlu bergantung kepada ceti haram atau peminjam wang tanpa lesen.